

PERGURUAN TAHFIZ AL-QUR'AN: MASALAH DAN PENYELESAIAN

INSTITUTE OF QURANIC EDUCATION: PROBLEMS AND SOLUTIONS

Dr Ahmad Baha' Mokhtar¹
Dewi Erika Samidi²
Prof. Madya Dr Abd Rahman Abd Ghani³

¹ Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Pensyarah Fakulti Usuluddin.
(E-mel: baha.mokhtar@unissa.edu.bn)

² Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Pelajar Tahun Empat, Jurusan Tafsir/Hadith, Fakulti Usuluddin, (E-mel: erikey.alhaura@gmail.com)

³ Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan.

Accepted date: 25 November 2018

Published date: 14 April 2019

To cite this document: Mokhtar, A. B., Samidi, D. E., & Ghani, A. R. A. (2019). Perguruan Tahfiz Al-Qur'an: Masalah Dan Penyelesaian. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 29-37.

Abstrak: Minat masyarakat terhadap Program Tahfiz al-Qur'an semakin meningkat. Atas sebab ini, keperluan untuk mengambil tenaga pengajar al-Qur'an yang terlatih secara professional khususnya bahagian Tahfiz al-Qur'an tidak boleh diketepikan. Namun demikian, setakat yang diketahui belum terdapat institusi sama ada kerajaan mahupun swasta khususnya di Malaysia yang menawarkan pembelajaran atau latihan bagi guru-guru Tahfiz al-Qur'an. Guru Tahfiz al-Qur'an juga memerlukan pelbagai ilmu dan kemahiran asas untuk mengajar subjek tersebut sebagaimana subjek-subjek yang lain. Tidak cukup hanya dengan sijil atau shahadah hafal al-Qur'an yang mereka miliki, kerana cara belajar dan mengajar adalah dua kemahiran yang berbeza. Kekurangan ilmu dan latihan dalam bidang ini menyebabkan timbul kenyataan di dada akhbar pada awal tahun ini (2018) bertajuk "Guru Tahfiz Tak Berkualiti". Objektif kajian ini adalah untuk melihat masalah-masalah yang mungkin timbul disebabkan kekurangan latihan bagi guru tahfiz. Di samping mencadangkan langkah-langkah yang boleh membantu menyelesaikannya. Skop kajian ini hanya memfokuskan kepada latihan perguruan tahfiz al-Qur'an secara formal semenjak latihan perguruan secara formal ditubuhkan sehingga

¹ Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Pensyarah Fakulti Usuluddin. E-mel: baha.mokhtar@unissa.edu.bn

² Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Pelajar Tahun Empat, Jurusan Tafsir/Hadith, Fakulti Usuluddin, E-mel: erikey.alhaura@gmail.com

³ Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan.

akhir 2018. Kertas kerja ini menggunakan metode kualitatif yaitu dengan mengumpulkan atrikel-artikel berkaitan dan bahan-bahan yang bersesuaian dengan topik kajian. Hasil kerja ini mencadangkan supaya perlu ada suatu usaha bersepadu bagi mengkaji dan menghalusi bidang perguruan tahfiz al-Qur'an oleh pakar-pakar yang berpengalaman dalam pendidikan dan tahfiz al-Qur'an untuk menghasil satu modul berkaitan perguruan tahfiz al-Qur'an. Seterusnya modul tersebut boleh ditawarkan di institusi-institusi perguruan di seluruh negara untuk melatih guru-guru tahfiz al-Qur'an menjadi guru yang terlatih dan lebih professional.

Kata kunci: Perguruan Tahfiz Al-Qur'an – Keperluan – Professional

Abstract: Our community's interest on The Programme of Tahfiz al-Qur'an is increasing. Therefore, the importance of taking specialized Quranic educators especially in Memorizing al-Qur'an could not be neglected. Unfortunately, as to this date, there is no government or private institution especially in Malaysia that offers education or training for Quranic educators. Quranic educators also need knowledges dan basic skills to teach al-Qur'an just like other subjects. Base on certificates they hold is insufficient as the way of studying and teaching is a different skill. The lack of knowledge and training on this field has been a reason of an article published on a newspaper entitled "Guru Tahfiz Tak Berkualiti". The objective of this research is to analyse problems that might exist due to the lack of training for Quranic educators. Aside from that, this reseach would also give suggestions on how the existing problems could be solved. The scope of this research is focused on Institute of Quranic Education as a formal education since Institute of Education has been established till the end of year 2018. This research uses qualitative methodology which is gathering articles and materials regarding the topic of this research. The outcome of this research gives suggestions that it is required to have an initiative from experienced professionals of this field to produce a module related to Quranic educations. The module formed then could be offered in institute of education in the country to train Quranic educators to be more professional in their field.

Keyword: Institute of Quranic Education – Importance - Professional

Pendahuluan

Al-Quran telah diturunkan bermula dengan ayat tarbiyah atau pendidikan. Malaikat Jibril A.S telah menyebutkan perkataan *iqra'* (bacalah) berulang-ulang kali kepada Rasulullah SAW pada awal penurunan wahyu adalah untuk menegaskan supaya umat manusia sentiasa belajar, mengkaji dan mencari ilmu. Pengertian ayat ini memberi isyarat dan perintah yang amat jelas tentang pentingnya pendidikan. Jika diteliti dengan lebih mendalam, ayat ini mendidik, mengajak dan menyeru orang yang beriman supaya menjadi orang yang berilmu pengetahuan.⁴ Firman Allah SWT:

﴿أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ ۱ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ ۲ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ ۳ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ ۴ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝ ۵﴾

⁴ Artini binti Haji Timbang dan Dr Haji Gamal Abdul Nasir bin Haji Zakaria. (2016). *Metode Pendidikan Qurani Menurut Abdul Rahman Al-Nahlawi*. Negara Brunei Darussalam: Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah. Ms. 3.

Terjemahan: “Bacalah (Wahai nabi Muhammad) dengan (menyebut)nama Tuhan mu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah, dan Tuhan mu Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia menulis) dengan qalam (pena). Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.”

(Al-‘Alaq, 96:1-5)

Dalam sebuah hadith pula, ada disebutkan daripada Uthman r.a, ia berkata: Nabi s.a.w bersabda:

﴿خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ﴾⁵

Yang bermaksud: Sebaik-baik kamu adalah yang mempelajari al-Qur’an dan mengajarkannya. Melalui dua dalil ini, dapat dirumuskan bahawa Islam sangat menitikberatkan pendidikan dan menjadikan al-Qur’an sebagai asas bagi segala pendidikan. Kerana itu, ulama berpendapat bahawa tugas mengajar al-Quran adalah termasuk fardu kifayah.⁶

Kepentingan Pendidikan Al-Quran

Bidang pendidikan atau perguruan al-Qur’an adalah suatu tugas yang sangat penting sehingga Allah SWT menegaskan bahawa Dia yang mengajarkan al-Qur’an kepada manusia. Firman Allah SWT:

﴿الرَّحْمَنُ ﴿١﴾ عَلَّمَ الْقُرْآنَ ﴿٢﴾﴾

Bermaksud: (Tuhan) Yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmatNya. (2) Dialah yang telah mengajarkan Al-Quran.

(Al-Rahman:1-2)

Tugas tersebut diteruskan oleh Baginda Rasul SAW sebagaimana firman Allah SWT:

﴿لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya) dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

(Al Imran:164)

Setelah wafat Rasulullah s.a.w: tugas ini dipikul oleh para sahabat dan seterusnya oleh tabi’in dan ulama yang lahir selepas mereka hingga sampai kepada kita pada hari ini. Antara contoh kepentingan pendidikan al-Quran dalam kalangan sahabat dan ulama tabi’in ialah sebagaimana

⁵ Riwayat Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Fadhail al-Qur’an. Bab Khairukum Man Ta’allama al-Qur’an Wa ‘Allamahu. Hadith no. 5027 (66).

⁶ Abu Zakaria Yahya Ibn Sharaf al-Nawawī (2011), *al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Qur’an*, Jedah: Dar al-Minhaj, h. 59.

yang dinyatakan oleh Abu Abd al-Rahman al-Sulami. Beliau adalah meriwayatkan hadis “Sebaik-baik kamu adalah yang mempelajari al-Qur’an dan mengajarkannya” daripada Saidina Uthman bin Affan r.a. al-Sulami pernah berkata bahawa hadis tersebut yang menyebabkan beliau menghabiskan masanya dengan mengajar al-Quran. Beliau telah mengajar al-Quran bermula daripada zaman Saidina Uthman r.a. hingga ke zaman al-Hajjaj selama 60 tahun.⁷ Dalam sebuah riwayat pula ada menyatakan bahawa khalifah Umar r.a, iaitu: telah memberi perhatian khusus kepada pendidikan al-Qur’an pada zamannya dengan memperuntukkan bajet negara untuk disalurkan kepada pendidikan al-Quran:

كَانَ بِالْمَدِينَةِ ثَلَاثَةُ مُعَلِّمِينَ يُعَلِّمُونَ الصِّبْيَانَ، فَكَانَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ يَرْزُقُ كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ خَمْسَةَ عَشَرَ كُلَّ شَهْرٍ.⁸

Yang bermaksud: Pada satu kota, terdapat tiga orang guru yang mengajarkan kanak-kanak (al-Qur’an).

Maka, (Khalifah) Umar bin al-Kh`attab r.a mengupah setiap seorang dari mereka lima belas setiap bulan.

Gambaran tentang kepentingan pendidikan al-Qur’an di zaman salaf lebih menyerlah lagi apabila membaca kisah guru kepada Abu Hanifah yang bernama Hammad. Tersebut di dalam sebuah riwayat yang menyatakan bahawa Hammad telah menghantar anaknya kepada seorang guru al-Quran. Setelah anaknya pulang, beliau bertanya kepada anaknya tentang apa yang dipelajarinya pada hari tersebut. Anaknya berkata dia telah belajar basmallah. Maka Hamad pun memberikan ganjaran sebanyak 500 dirham kepada guru tersebut. Beliau berkata sekiranya aku mempunyai wang lebih tentu aku akan memberi lebih banyak daripada itu.⁹ Selain itu, atas kesedaran peri kepentingnya pendidikan al-Qur’an maka Imam Bukhari telah meletakkan salah satu daripada tajuk-tajuk di dalam kitab sahnya dengan “Pendidikan al-Qur’an terhadap kanak-kanak”.¹⁰

Daripada ayat al-Quran, hadis dan kisah ulamak silam di atas sudah cukup untuk menunjukkan bahawa bidang pendidikan dan perguruan al-Quran itu sangat diutamakan di dalam agama Islam, sehingga mereka sanggup mengeluarkan jumlah wang yang banyak demi memastikan perguruan al-Qur’an tetap diteruskan. Namun begitu, pada zaman ini bidang perguruan al-Quran terutama latihan perguruan dalam bidang tahfiz al-Quran tidak mendapat perhatian yang sewajarnya berbanding latihan perguruan dalam bidang-bidang yang lain. Di negara ini, latihan perguruan telah wujud hampir satu kurun.¹¹ Berdasarkan kepada kajian lepas, sama ada melalui capaian internet, bahan bercetak dan juga temuramah dengan pensyarah di beberapa buah

⁷ Sayyid Lashin Abu al-Farah (1994), *Al-Fawa'id al-Hisan fi Fada'il al-Quran*, Arab Saudi, h. 71.

⁸ Abu Bakr bin Abi Syaibah. (1409H). *Al-Kitab al-Mushonnaf Fi al-Ahadith wa al-Athar*. Semakan: Kamal Yusuf al-Hut. Riyad: Maktabah al-Rusyd. Jilid 4. H.341.

⁹ Abu al-Qasim al-Huzali, Yusuf bin Ali bin Jabarah. (2007). *Al-Kamil Fi al-Qiraat Wa al-Arba'in Al-Zaidah 'Alaiha*. Semakan: Jamal bin al-Sayyid bin Rifa'ie. (t.t): Muassisah Sama. Jilid 1. H79.

¹⁰ Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdillah al-Bukhari. (1422H). *Sahih al-Bukhari*. (t.t): Daar Tuq al-Najah. Jilid 6. H.193.

¹¹ Menurut laman web wikipedia, Sultan Idris Training College, Tanjung Malim – melatih guru-guru Sekolah Melayu telah wujud pada tahun 1922: [https://ms.wikipedia.org/wiki/Institut Pendidikan Guru Malaysia#Sejarah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Institut_Pendidikan_Guru_Malaysia#Sejarah), dicapai pada 30 September 2018.

universiti tempatan¹² mendapati bahawa belum terdapat mana-mana institusi yang menawarkan latihan perguruan tahfiz al-Quran secara formal. Maka kesan daripada kekurangan ini timbul beberapa isu pendidikan tahfiz al-Qur'an seperti yang pernah terpapar di dada akhbat tempatan.¹³

Antaranya isu yang ditimbulkan:

Belum Wujud Pusat Latihan Guru Untuk Melatih Guru-Guru Tahfiz.

Jika diperhatikan, bidang-bidang perguruan di negara ini telah berkembang dengan pesat. Banyak pusat latihan telah berjaya melahirkan guru-guru terlatih dalam pelbagai bidang Tetapi sebaliknya dalam bidang tahfiz al-Quran, latihan terhadap guru tahfiz al-Qur'an didapati kurang diberi perhatian. Setakat maklumat yang ada, belum ada universiti atau institusi yang menawarkan program perguruan tahfiz al-Qur'an.¹⁴ Sedangkan subjek-subjek lain dibekalkan latihan yang cukup kepada guru, sehingga dipelajari dari peringkat diploma hingga ijazah.

Kekurangan Pakar Rujuk Untuk Pedagogi Tahfiz.

Di negara ini telah lahir ramai pakar dalam bidang pedagogi. Tetapi jarang sekali kedengaran pakar pedagogi tahfiz al-Quran. Sekiranya guru-guru bidang lain mendapat latihan yang cukup dari segi pedagogi hingga berjaya menjadi pakar dalam bidang pedagogi sesuatu subjek, begitu juga guru al-Qur'an perlu dibekalkan latihan yang sama atau lebih kerana pedagogi tahfiz al-Qur'an agak berbeza dengan subjek-subjek lain. Guru tahfiz perlu menyemak bacaan setiap pelajar iaitu secara sistem *one-to-one*. Ini berbeza dengan subjek-subjek lain yang boleh diajarkan secara kumpulan. Kekurangan dalam bidang ini menyebabkan kebanyakan tenaga guru tahfiz al-Qur'an yang ada pada masa ini hanya mahir pada bidang konten, tidak pada bidang pedagogi.¹⁵

Bekalan Guru Bidang Tahfiz Yang Tidak Mencukupi.

Menurut keratan akhbar pada tahun 2018 berjudul "Melahirkan Graduan Berkualiti Tinggi", Darul Quran Jakim telah melahirkan kira-kira 5,000 graduan program pengajian tahfiz al-Qur'an.¹⁶ Ini hanya bilangan lepasan Darul al-Quran. Masih banyak lagi graduan tahfiz daripada institusi yang lain. Namun begitu, masih terdapat pusat-pusat tahfiz yang masih mencari guru-guru tahfiz. Keperluan ini semakin meningkat sebagaimana dinyatakan di dalam keratan akhbar yang bertajuk "Pendidikan Tahfiz semakin diminati". Ia menyatakan bahawa Darul Quran telah menerima permohonan sekurang-kurangnya 3,000 orang saban tahun, tetapi hanya seramai 250 sahaja daripada mereka yang diterima untuk belajar di institusi tersebut.¹⁷ Bilangan ini hanya untuk Darul al-Quran. Dengan memerhatikan permohonan yang diterima oleh Darul Quran JAKIM sahaja, dapat disimpulkan bahawa minat masyarakat terhadap tahfiz al-Qur'an semakin berkembang.

¹² Antaranya ialah Prof. Madya Dr Abd Rahman Abd Ghani. Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, pada 25 September 2018. Dan Dr Muhammad Luqman bin Ibrahim. Pensyarah Jabatan al-Qur'an dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, pada 1 September 2018.

¹³ Hashnan Abdullah. (2018). *Guru Tahfiz Tak Berkualiti?*. Malaysia: Utusan Malaysia.

¹⁴ Lihat: <http://akademik.upsi.edu.my/index.php/en/2014-11-06-03-02-06/admission-information/programmes-offered>, dicapai pada 30 September 2018.

¹⁵ Abdul Rahman Ghani. (2016). *Pembangunan Sistem Pendidikan Guru Tahfiz Di Malaysia Ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih*. Kertas kerja pembentangan di Simposium Tahfiz al-Qur'an Peringkat Antarabangsa 2018, Institusi Latihan Islam Malaysia (ILIM). Ms 3.

¹⁶ Faizatul Farhana Farush Khan. (2018). *Melahirkan Graduan Berkualiti Tinggi*. Malaysia: Berita Harian.

¹⁷ Shamsul Bahari Dahalan. (2016). *Pendidikan Tahfiz Semakin Diminati*. Malaysia: Utusan Malaysia.

Tiada Kemahiran Psikologi Dan Sosiologi Dalam Mengendalikan Pelajar.

Mengajar subjek al-Qur'an tidak cukup hanya dengan pengalaman menghafal al-Qur'an, kerana setiap pelajar mempunyai kekuatan daya ingatan mahupun kadar semangat yang berbeza-beza. Guru tahfiz mungkin boleh berkongsi cara menghafal atau mengulang al-Qur'an berdasarkan pengalamannya, tetapi tidak semua pelajar dapat mengaplikasikannya. Oleh itu, seseorang guru tahfiz memerlukan kemahiran psikologi dan sosiologi dalam mengendalikan pelajar. Dengan adanya kemahiran psikologi dalam pendidikan, seseorang guru tahfiz dapat mengaplikasi pendekatan, strategi, hasil dan metode mengajar yang sesuai untuk digunakan baik bagi pelajar mahupun pengajar.¹⁸ Kemahiran sosiologi pula membantu seseorang guru tahfiz bagi menyediakan metode dan teknik yang bersesuaian dengan pelajar.

Selain daripada perkara yang telah disebut di atas, sebagai seorang guru tahfiz perlu kepada beberapa kemahiran tambahan. Seseorang guru tahfiz perlu ada kemahiran tambahan yang berkaitan dengan tahfiz al-Quran seperti pengetahuan tentang keadah-kaedah hafazan dan selok beloknya untuk dijadikan panduan dalam mengatasi perbezaan kemampuan hafazan pelajar, penguasaan tentang cara menguasai ayat-ayat mutasyabihat atau ayat mirip supaya dapat membantu memantapkan hafalan pelajar dan menghindari mereka daripada kekeliruan, menguasai ilmu Tajwid dengan baik terutama dalam bidang waqaf dan ibtida' dan lain-lain kemahiran yang penting dikuasai oleh seorang guru tahfiz al-Quran. Kemahiran-kemahiran ini perlu dibekalkan secukupnya kepada mereka supaya mereka dapat dilatih dan menjadi guru yang terlatih mampu membimbing para pelajar dengan baik dan berjaya.

Masalah-masalah yang tersebut di atas adalah sebahagian masalah yang dianggap penting yang perlu diatasi bagi meningkatkan tahap profesionaliti perguruan tahfiz al-Quran.

Cadangan Bagi Menyelesaikan Isu-Isu Pendidikan Tahfiz

Antara jalan penyelesaian bagi isu-isu pendidikan tahfiz al-Qur'an adalah:

Cadangan Kepada Guru Tahfiz al-Qur'an

1. Guru-guru yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda perlu meneruskan pengajian bahagian pendidikan agar kaedah pendidikan yang ada pada masa kini dapat diaplikasikan dengan baik dan berkesan dalam bidang tahfiz al-Qur'an.
2. Sentiasa mencari peluang untuk memantapkan hafazan al-Qur'an, tidak kira dari segi mengulang hafazan, menghalusi bacaan al-Qur'an mahupun menguasai ayat-ayat mutasyabihat.
3. Mendalami ilmu psikologi kerana tanggungjawab seseorang guru tahfiz al-Qur'an tidaklah terhad pada mendengar hafazan pelajar dan membetulkan bacaannya ketika tersalah, tetapi juga memastikan metode atau teknik yang diaplikasikan bersesuaian dengan keperluan dan tahap penerimaan pelajar.

Cadangan Kepada Institusi-Institusi Perguruan

1. Mengumpulkan pakar rujuk bagi menyusun pedagogi khas bagi Tahfiz al-Qur'an. Ini adalah kerana terdapat metode pengajaran tahfiz al-Qur'an yang tidak sama dengan bidang-bidang lain. Pakar rujuk bagi bidang ini diperlukan agar dapat menyusun

¹⁸ Lihat: Jamila Lestyowati. (2015). *Pentingnya Psikologi Pendidikan Dalam Proses Belajar Mengajar*. Indonesia: Badan Pendidikan dan Pelatihan Keuangan. <https://bppk.kemendiknas.go.id/publikasi/artikel/168-artikel-pengembangan-sdm/20529-pentingnya-psikologi-pendidikan-dalam-proses-belajar-mengajar>, dicapai 23 September 2018.

pedagogi Tahfiz al-Qur'an yang lebih tersusun di samping dapat melatih dan melahirkan guru tahfiz al-Qur'an yang berkualiti.

2. Menubuhkan program bagi perguruan Tahfiz al-Qur'an dan menjadikannya sebagai platform bagi pelajar-pelajar yang minat untuk menguasai bidang tahfiz.
3. Menawarkan silibus-silibus yang dapat melatih seseorang untuk menjadi guru tahfiz yang berkualiti tidak kira dari segi ilmu psikologi, sosiologi, pedagogi dan juga silibus-silibus tambahan, khusus untuk perguruan tahfiz al-Qur'an bagi memastikan guru-guru tahfiz dibekalkan dengan kaedah pengajaran yang cukup di samping menguasai beberapa ilmu yang tidak terdapat pada program perguruan yang lain.

Cadangan Silibus Bagi Perguruan Tahfiz al-Qur'an

1. Penguasaan Etika Guru Al-Qur'an (Akhlah Ahlul Qur'an)

Kursus ini ibarat asas bagi seseorang guru tahfiz al-Qur'an. Kerana guru al-Quran bukan sahaja bertugas untuk membimbing hafalan. Tetapi yang lebih penting ia adalah al-Quran yang bergerak. serta adab-adab yang harus difahami ketika belajar dan mengajar al-Qur'an. Melalui kursus ini, seseorang guru al-Qur'an terdidik dengan Akhlak Ahlul Qur'an. Di samping itu juga, seseorang guru al-Qur'an dapat menerangkan konsep etika dan etika profesion, mengenalpasti ciri-ciri profesion perguruan, menganalisis tatasusila kementerian pelajaran, menjelaskan peranan etika kerja dan membincangkan beberapa isu-isu etika, seterusnya mengaplikasikannya dalam pendidikan.

2. Penguasaan Ilmu Fardhu 'Ain dan Bahasa Arab

Penguasaan ilmu fardhu 'ain adalah antara elemen penting bagi diri seorang guru tahfiz. Seorang guru tahfiz adalah menjadi tumpuan dan rujukan bukan sahaja para pelajar tetapi masyarakat turut merujuk kepada mereka. Suatu perkara yang tidak munasabah sekiranya seorang guru tahfiz melakukan kesalahan dalam perkara fardhu ain. Kursus bagi ilmu fardhu 'ain hendaklah dipelajari secara talaqqi kulit ke kulit dan mantap. Sehingga mereka menguasainya dan mampu mengajarnya kepada orang lain. Begitu juga penguasaan bahasa Arab, seseorang guru al-Qur'an hendaklah menguasai bahasa arab kerana ia adalah bahasa al-Qur'an.

3. Penguasaan Ilmu Tajwid

Hafazan yang mantap tidak lengkap jika tidak dibaca secara bertajwid. Melalui pengalaman, memang terdapat pusat-pusat tahfiz yang kurang menitikberatkan bacaan secara bertajwid. Kesan buruk daripada sikap ini ialah akan lahir huffaz yang kurang baik mutu bacaan tajwid. Dan lebih buruk lagi sekiranya mereka dilantik menjadi imam atau guru tanpa latihan yang baik. Oleh itu, dicadangkan agar ilmu tajwid ini dijadikan antara kursus penting dari segi teori dan praktikal bagi program perguruan tahfiz dengan mengadakan latihan dan ujian serta diberikan satu sijil pengiktirafan berasingan bagi guru yang dapat mencapai kualiti bacaan secara bertajwid yang ditetapkan. Kursus ini juga termasuk menguasai bacaan Waqaf dan Ibtida' yang betul bagi memastikan guru-guru tahfiz terlatih dengan bacaan yang baik dan dapat membimbing pelajar-pelajar tahfiz agar dapat memilih tempat waqaf dan ibtida' yang sesuai dan betul.

4. Penguasaan Kaedah menghafal dan mengulang al-Qur'an

Kemahiran belajar dan mengajar adalah sesuatu yang berbeza. Mengajar al-Qur'an pula berbeza dengan mengajar subjek-subjek yang lain, antaranya guru perlu menyemak bacaan

setiap pelajar satu persatu. Tambahan pula, satu kaedah menghafal atau mengulang al-Qur'an yang sesuai bagi seseorang pelajar tidak semestinya sesuai bagi pelajar yang lain. Kursus ini dicadangkan agar dapat melatih guru tahfiz menjadi mahir dalam mengendalikan kelas, termasuk kemahiran mengetahui tahap kemampuan pelajar, menyusun target yang sesuai bagi setiap pelajar dan juga mencari penyelesaian bagi pelajar yang mempunyai masalah dalam menghafal atau mengulang al-Qur'an. Kursus ini termasuk mendalami kelebihan menghafal al-Qur'an, sejarah permulaan hafazan al-Qur'an, kaedah-kaedah hafazan yang sedia ada dalam mengajar al-Qur'an yang telah dilaksanakan di pusat tahfiz sama ada di dalam dan di luar negara.

5. Penguasaan Kaedah Ayat Mutasyabihat

Kursus ini diperlukan agar guru-guru tahfiz al-Qur'an dapat menguasai ayat mutasyabihat dan mempelajari kaedah menguasainya sehingga dapat membimbing pelajar untuk mengatasi kekeliruan antara ayat yang serupa atau mirip dan tidak mengulang kesalahan yang sama.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, mengharapkan ada tindakan yang drastik oleh pihak kerajaan atau pihak swasta dalam menangani masalah ini. Oleh kerana program ini belum pernah ditawarkan di mana-mana institusi, maka satu usaha bersepadu antara pakar dalam bidang tahfiz dan pendidikan diperlukan untuk membuat penyelidikan secara mendalam dan seterusnya membangunkan modul-modul yang bersesuaian untuk latihan bagi guru-guru al-Qur'an yang boleh dijadikan panduan bagi institusi yang berminat untuk menawarkan latihan perguruan tahfiz.

Bibliografi

Buku

- Abu Bakr bin Abi Syaibah. (1409H). *Al-Kitab al-Mushonnaf Fi al-Ahadith wa al-Athar*. Semakan: Kamal Yusuf al-Hut. Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdillah al-Bukhari. (1422H). *Sahih al-Bukhari*. (t.t): Daar Tuq al-Najah
- Al-Jurriy, Muhammad bin Hussain bin Abdullah. (2003). *Akhlak Ahl al-Qur'an*. Beirut-Lubnan: Daar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Muhyiddin Yahya bin Syaraf. (2005). *Al-Tibyan Fi Adab Hamalah al-Qur'an*. Mansourah: Daar Ibu Rajab.
- Abu al-Qasim al-Huzali, Yusuf bin Ali bin Jabarah. (2007). *Al-Kamil Fi al-Qiraat Wa al-Arba'in Al-Zaidah 'Alaiha*. Semakan: Jamal bin al-Sayyid bin Rifa'ie. (t.t): Muassisah Sama.
- Mohd Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad. (2016). *Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Qur'an*. Malaysia: Darul Quran Jakim dan Centre Of Quranic Research.

Akhbar

- Hashnan Abdullah. (2018). *Guru Tahfiz Tak Berkualiti?*. Malaysia: Utusan Malaysia. (t.n).
- (2018). *Melahirkan Graduan Berkualiti Tinggi*. Malaysia: (t.p).
- Shamsul Bahari Dahalan. (2018). *Pendidikan Tahfiz Semakin Diminati*. Malaysia: (t.p).
- Abdullah Bukhari Abdul Rahim. (2018). *Jangan Sekadar Bangga Dengan Status Elit*. Malaysia: Utusan Malaysia.

Artikel

Artini binti Haji Timbang dan Dr Haji Gamal Abdul Nasir bin Haji Zakaria. (2016). *Metode Pendidikan Qurani Menurut Abdul Rahman Al-Nahlawi*. Negara Brunei Darussalam: Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiaah.

Jamila Lestyowati. (2015). *Pentingnya Psikologi Pendidikan Dalam Proses Belajar Mengajar*. Indonesia: Badan Pendidikan dan Pelatihan Keuangan

Abdul Rahman Ghani. (2016). *Pembangunan Sistem Pendidikan Guru Tahfiz Di Malaysia Ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih*. Kertas kerja pembentangan di Simposium Tahfiz al-Qur'an Peringkat Antarabangsa 2018, Institusi Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Website

<http://akademik.upsi.edu.my/index.php/en/2014-11-06-03-02-06/admission-information/programmes-offered> (27.09.2018)

<http://www.darulquran.gov.my/xs/index.php> (23.09.2018)